



Rujukan : UKM.KPD.500-44/2/2

Tarikh : 10 Februari 2025

Semua Pelajar ODL,
Semester 2, Sesi Akademik 2024 – 2025.

Tuan/Puan

PENGESAHAN KURSUS SEMESTER 2, SESI AKADEMIK 2024-2025 (JANUARI 2025)

Merujuk kepada perkara di atas, dimaklumkan bahawa Minggu Peperiksaan Akhir/Penilaian Akhir bagi Program Open & Distance Learning (ODL) Semester 2, Sesi Akademik 2024-2025 adalah bermula pada **7 April 2025 hingga 11 April 2025**. Kaedah pelaksanaan pentaksiran bagi setiap kursus akan dimaklumkan oleh pensyarah kursus masing-masing.

Sehubungan itu, Tuan/Puan dikehendaki membuat pengesahan kursus bagi Semester 2 Sesi Akademik 2024-2025 melalui **SMPE** mulai **3 Mac 2025 hingga 9 Mac 2025 (Minggu ke – 9)**. Sila tekan butang **SAH** sekiranya senarai kursus yang telah didaftarkan di SMPE adalah betul.

Sekiranya, Tuan/Puan tidak membuat pengesahan atau pembetulan terhadap maklumat kursus, maka segala butiran kursus yang dicatatkan akan dianggap betul dan lengkap. Butiran ini akan digunapakai bagi proses persediaan peperiksaan/penilaian akan datang.

Pelajar yang gagal membuat pengesahan kursus dalam tempoh masa yang ditetapkan akan dikenakan **DENDA** sebanyak RM50.00. Oleh itu, Tuan/Puan dikehendaki mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya bagi memastikan penilaian kursus yang didaftarkan pada semester ini berjalan dengan lancar.

Sekian, Terima Kasih

Ardilla

ARDILLA MUHAMMAD ASRI

Penolong Pendaftar

Bahagian Perkembangan dan Pembangunan Program ODL UKM

S.k :

- Penyelaras Program ODL
- Bahagian Akademik UKMShape



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249